



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 23 OKTOBER 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 23 Oktober 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **9,178 kes** (2,320,391 kes kumulatif, 95.6%);
- Kes baharu : **5,828 kes** (2,426,050 kes kumulatif);
- Kes import : **7 kes** (5 warganegara; 2 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **5,821 kes** [5,564 warganegara (95.6%); 257 bukan warganegara (4.4%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **620 kes** (533 kes disahkan COVID-19 ; 87 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan) ;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **297 kes** (229 kes disahkan COVID-19 ; 68 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan)
- Jumlah kluster : **5,719 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **2 kluster**;

- Jumlah kluster yang telah tamat : **5,162 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **557 kluster**.

Daripada **5,828 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini;

- **97 kes (1.7 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **5,731 kes (98.3 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian kluster-kluster baharu dan nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1 dan 2 yang disertakan bersama kenyataan media ini. Manakala, maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**).
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah

pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

23 Oktober 2021 @ 6:30 petang.

LAMPIRAN 1**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 23 OKTOBER 2021**

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
1	Jalan Sentol Kluang	Tempat Kerja	Johor	Kluang	10	63
2	Blok 03	Tempat Kerja	Sabah	Kinabatangan	19	55

LAMPIRAN 2**NILAI R_T MENGIKUT NEGERI
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN
PADA 22 OKTOBER 2021**

NEGERI	NILAI R_T
WP KUALA LUMPUR	1.02
NEGERI SEMBILAN	0.98
WP PUTRAJAYA	0.95
MELAKA	0.94
SELANGOR	0.93
SABAH	0.91
KELANTAN	0.87
JOHOR	0.86
TERENGGANU	0.86
KEDAH	0.86
PULAU PINANG	0.84
PERAK	0.82
PAHANG	0.81
SARAWAK	0.80
PERLIS	0.75
WP LABUAN	0
MALAYSIA	0.87